

OBOR

BELIA

BUKU 3

CARIK-CARIK BULU AYAM

(REMAJA & PERHUBUNGAN KELUARGA)



OBOR BELIA

Penulis & Penterjemah (Bahasa Malaysia): Evelyn Tan Hwee Yong

Hwee Yong telah lama berkecimpung dalam penulisan dan penterjemahan, dan telah menulis banyak buku dalam Bahasa Malaysia. Dia memperoleh M.A. Theology dari South East Asia Bible College, dan M. Human Sc. dari Universiti Islam Antarabangsa.

Penulis (Bahasa Inggeris): Goh Kim Guat

Kim Guat aktif dalam pelayanan belia dan kanak-kanak. Dia telah memperoleh B.A. (Hons) di Bryn Mawr College, U.S.A. dan M.Ed. di Harvard Graduate School of Education.

Penyunting: Randy Singkee

Randy banyak terlibat dalam penulisan dan penterjemahan sejak tahun 1993. Dia memperoleh B.A. (Hons) dari Universiti Malaya dan M.Sc. dalam bidang Geographical Information Systems (GIS) dari University of Edinburgh, UK.

Penyunting Alkitab: Rev. Hwa Chien

Mendiang Rev. Hwa Chien memperoleh B.Sc. Bates College, U.S.A. dan M. Divinity, Gordon Cornwell Theological Seminary. Dia pernah berjabat sebagai pendeta dan Presiden Trinity Annual Conference untuk Gereja Methodist.

Cetakan Pertama: Oktober 2009

Cetakan Kedua : April 2011

Penerbit : Wawasan Penabur Sdn. Bhd.
wawasan.penabur@gmail.com

Pencetak : Akitiara Corporation Sdn. Bhd.

Kulit Buku : Chiang Juat Chin

Reka Letak : Randy Singkee

Artis Ilustrasi : Yee Weng Chiang

Petikan Alkitab diambil dari

Alkitab Berita Baik © 1996, Bible Society of Malaysia

Alkitab Terjemahan Baru © 1974, Lembaga Alkitab Indonesia

Hakcipta © 2009 Wawasan Penabur Sdn. Bhd.

Hak Cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa juar sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

I si Kandungan

1	Sebelum Anda Bermula
4	Mukadimah: Carik-Carik Bulu Ayam
Lembar Kerja	
6	Sesi 1: Mencari Pola Komunikasi Yang Lebih Baik
12	Sesi 2: Haruskah Semua Membungkam?
18	Sesi 3: Bagaimana Mengurus Kemarahan?
24	Sesi 4: Pengampunan Dalam Keluarga
28	Sesi 5: Hidup Rukun Antara Adik-Beradik
34	Sesi 6: Membuat Pilihan
40	Sesi 7: Pertunjukan Fesyen
46	Sesi 8: Irama dan Lagu untuk Jiwaku
Panduan Pembimbing	
53	Sesi 1
56	Sesi 2
59	Sesi 3
62	Sesi 4
64	Sesi 5
66	Sesi 6
69	Sesi 7
72	Sesi 8

Sebelum Anda Bermula...

Memperkenalkan **OBOR BELIA**

OBOR BELIA dituliskan sebab:

- Para remaja dan belia masih mencari program yang lebih berkesan dan yang dapat memenuhi keperluan mereka.
- Para remaja dan belia masih kekurangan pembelajaran sistematik yang dapat meletakkan dasar iman teguh di tengah-tengah tekanan kehidupan moden ini.
- Kebanyakan buku pemuridan tidak dituliskan menurut konteks dan masalah-masalah yang dihadapi oleh remaja dan belia yang hidup sebagai umat Tuhan di negara ini.

OBOR BELIA merupakan kurikulum yang memuat kaedah-kaedah kreatif dan praktikal agar Injil dapat disampaikan sesuai dengan keperluan para remaja dan belia zaman sekarang. Kurikulum ini diolah untuk generasi muda Tubuh Kristus supaya mereka mengenal iman mereka secara mendalam dan hidup setia sebagai umat Tuhan di negara ini. Kurikulum ini akan memberi anda peluang untuk berbincang, bertukaran pendapat, berdoa bersama, belajar daripada satu sama lain, dan berseronok bersama. Setelah mempelajari kurikulum ini, anda akan mengetahui bahawa menjadi seorang Kristian memang relevan, mencabar, teruja dan anda akan menemui apa yang andakehendaki untuk kehidupan anda.

Cara Menggunakan **OBOR BELIA**

OBOR BELIA dicorakkan untuk pertemuan mingguan yang boleh digunakan di persekutuan di sekolah dan gereja. Anda juga boleh mengubahsuainya untuk kelompok kecil anda.

Siri buku ini mempunyai dua bahagian besar: Lembar Kerja dan Panduan Pembimbing yang memberi panduan dan aktiviti-aktiviti kreatif untuk topik-topik buku ini.

Panduan Pelajar terdiri daripada Kata-Kata Mutiara, Ayat Mas Alkitab, Aktiviti Bersama, Renungan Firman Tuhan, Renungan Peribadi dan Doa. Panduan Pembimbing pula mempunyai tiga aspek tambahan iaitu Objektif-Objektif Sesi, Aktiviti Pencetus Minat, Jawapan Firman

Tuhan serta kaedah ajaran yang boleh digunakan.

Pembimbing atau pemimpin kelompok harus membaca Lembar Kerja dan Panduan Pembimbing untuk memahami seluruh pelajaran ini dan cara menyelenggarakannya.

Dalam Siri Buku **OBOR BELIA** ini, anda akan menemui yang berikut:



Ayat Mas Alkitab

Ayat ini merupakan ayat yang penting dan perlu direnunggi bersama kelompok anda.



Kata-Kata Mutiara

Baca bersama ahli-ahli kumpulan anda dan jelaskannya secara singkat.



Aktiviti Bersama

Bahagian ini memperkenalkan tema utama sesi ini dengan menggunakan pelbagai permainan, lakonan, kertas kerja atau cara yang menarik untuk mencetus minat para pemuda-pemudi.



Renungan Firman Tuhan

Bahagian di mana Firman Tuhan akan dibentangkan daripada sudut pandangan remaja/belia. Pelbagai aktiviti dirancang agar mereka dapat melibatkan diri dalam Firman Tuhan.



Renungan Peribadi

Bahagian ini menggabungkan cara-cara kreatif dan praktikal untuk menggalakkan mereka merenungi pelajaran hari itu serta menerapkan kebenaran yang telah dipelajari untuk kehidupan mereka, dan bukan sekedar mengetahuinya sahaja.




Doa

Pembimbing dan peserta digalakkan menutup setiap sesi dengan doa.

Untuk Pemimpin/Pembimbing

Panduan untuk memimpin dan membimbing sesi disediakan di bahagian akhir buku ini. Anda akan dibekalkan dengan nota-nota tambahan untuk setiap bahagian dalam sesi di Lembar Kerja.



Objektif-Objektif Sesi

Bahagian ini menjelaskan dengan terperinci objektif-objektif sesi. Pembimbing mesti membaca objektif-objektif ini sebelum mulakan pelajaran.



Pencetus Minat

Mencadangkan beberapa teknik pemanasan dan pencetus minat para pelajar dengan menggunakan permainan, lakonan, dan sebagainya.



Aktiviti Tambahan

Aktiviti atau pelajaran tambahan yang diolah untuk memperkuatkan lagi pengajaran Alkitab atau satu pernyataan.

Beberapa Panduan Berguna

*** Baca**

Baca bahagian Lembar Kerja dan Panduan Pembimbing jika anda sedang membimbing satu kelompok supaya anda boleh berfikir dan menyiapkan diri dengan mantap.

*** Doa**

Berdoa agar Tuhan memberi anda kebijaksanaan sewaktu mengendalikan topik dalam perbincangan. Jangan lupa berdoa agar Tuhan menyentuh dan mengubah kehidupan ahli-ahli kumpulan anda.

*** Persiapan**

Bahagian Renungan Firman Tuhan memerlukan paling banyak bimbingan dan ajaran daripada anda. Renungkan contoh-contoh yang dapat menolong anda menjelaskan ajaran anda dalam bahagian lain.

*** Santai & Ketawa**

Jangan terlalu serius dan kalau boleh berjenakalah sekali-sekala. Biar proses pembelajaran itu lebih berinteraksi, partisipasi dan santai.

Buku 3: Carik-Carik Bulu Ayam

Mukadimah

Ada peribahasa Melayu yang berbunyi “carik-carik bulu ayam, lama-lama berkumpul juga.” Demikianlah perhubungan antara kita dengan keluarga. Sudah menjadi lumrah hidup dalam keluarga tidak sahaja membawa kebahagian, tetapi juga sakit kepala! Ini adalah kerana selain daripada perubahan jasmani, para remaja juga mulai berdikari dalam pemikiran dan pengambilan keputusan mereka.


Satu perkara yang pasti akan berlaku adalah para remaja akan mengalami konflik dalam komunikasi dengan ibu bapa mereka. Mereka merasakan walaupun ibu bapa mereka mengambil berat akan mereka, tetapi mereka tidak diberi kebebasan yang sepenuhnya. Selain itu, keadaan mental seorang remaja juga mulai berkembang dan biasanya mereka akan menggunakan logik sewaktu mereka berkomunikasi, sehingga sering menganggap ibu bapa mereka sebagai terlalu kolot. Kadangkala ibu bapa mereka pula berpendapat bahawa anak-anak mereka sudah tidak menghargai atau mahu menurut mereka lagi. Perselisihan faham dalam komunikasi menjadi sesuatu yang sukar dielakkan.

OBOR Belia Buku 3 ini bertujuan menolong para belia meneliti pola komunikasi yang sihat dan cara memperbaiki komunikasi dengan ibu bapa mereka. Satu sesi khusus juga dimasukkan dalam buku ini untuk menolong para remaja memupuk perhubungan akrab dengan adik-beradik mereka.

Waktu remaja memang waktu mencipta identiti sendiri. Tidak hairanlah kalau para remaja mulai memilih fesyen rambut, pakaian, lagu dan kawan-kawan yang disukai mereka. Buku ini meletakkan panduan-panduan alkitabiah untuk menolong para remaja membuat pilihan yang sihat.

“Dengan apakah seorang muda mempertahankan kelakuannya bersih? Dengan menjaganya sesuai dengan firman-Mu.” (Mazmur 119:9)

Mencari Pola Komunikasi yang Lebih Baik





Ayat Mas Alkitab

“Sementara ini ada tiga perkara yang harus tetap dilakukan: percaya, berharap dan mengasihi orang lain. Tetapi yang paling penting daripada ketiga-tiganya adalah mengasihi orang lain.” (1 Korintus 13:13)



Kata-kata Mutiara

Setiap belia mesti berusaha mencari pola komunikasi yang lebih baik agar dapat membawa perubahan dalam suasana keluarga.



Aktiviti Bersama “Konflik...konflik...konflik!”

Lakonkan 5 cerita yang menunjukkan konflik di antara ibu bapa dengan emosi dan seperti yang disebut dalam cerita-cerita ini. Lakonan anda mesti condong ke negatif. Ada hadiah untuk kumpulan yang menang!

- a. Ibu terlalu banyak masa digunakan untuk bermain komputer
- b. Ibu pukul berapa harus pulang ke rumah setelah berjumpa kawan.
- c. Ibu mewarnai rambut dan berpakaian sopan
- d. Ibu terlalu banyak memakai telefon bimbit dan bil yang melambung tinggi
- e. Ibu berkawan dengan teman-teman yang dianggap oleh ibu bapa sebagai tidak elok.

Analisa pola komunikasi 5 kumpulan ini. Cari dan catatkan kelemahan-kelemahan cara mereka berkomunikasi.

Kumpulan A	Kumpulan B	Kumpulan C	Kumpulan D	Kumpulan E

Cadangan Pola Komunikasi Yang Baik.

Setiap kumpulan akan memikirkan cara berkomunikasi yang lebih baik.

Kumpulan A	Kumpulan B	Kumpulan C	Kumpulan D	Kumpulan E



Renungan Firman Tuhan

1. Baca Roma 8:28. Sikap apakah yang diperlukan sewaktu anda menghadapi konflik di rumah?
2. Baca Filipi 4:13. Apakah yang harus kita usahakan semasa menghadapi konflik?
3. Baca Efesus 6:1-4. Apakah yang akan terjadi kalau seorang anak menghormati ibu bapa mereka?
4. Ambil sekeping kertas dan lukiskan lambang-lambang daripada 1 Korintus 13 yang boleh menolong anda memperbaiki konflik dan komunikasi di rumah. Tuliskan situasi tertentu di samping setiap lambang untuk menolong anda menerapkannya dalam kehidupan anda.



Renungan Peribadi

Applikasi Pola Komunikasi Yang Lebih Baik

1. Esok adalah hari jadi kawan baik anda. Peperiksaan anda hanya tinggal tiga hari lagi. Anda meminta izin keluar malam untuk menyambut hari jadi kawan anda. Ibu anda berkata, "Tidak boleh. Kamu harus buat ulang kaji. Peperiksaan sudah dekat." Apa yang anda akan lakukan?
 - a. "Ibu hanya pandai berkata tidak dan merosakkan program semua orang."
 - b. "Ibu sengaja nak rosakkan persahabatan saya dengan kawan baik saya. Kejam!"
 - c. "Ibu...(manja sedikit) biar saya pergi sebentar, itu kawan baik saya. Saya berjanji saya akan belajar bersungguh-sungguh sebaik saja saya pulang dari rumahnya."
 - d. Diam, beredar dari sana dan menghempas pintu!
 - e. "Ibu, saya sudah banyak belajar dan membuat ulangkaji. Saya sudah siap hadapi peperiksaan. Biar saya pergi dua jam dan saya akan pulang belajar. Saya juga perlu berehat sebentar."
2. Anda ingin keluar makan malam dengan teman-teman anda tetapi ibu bapa anda menegaskan bahawa anda mesti pergi bersama dengan mereka kerana teman baik mereka mahu bertemu dengan keluarga.
 - a. Tanpa mengatakan apa-apa, anda menghilangkan diri dari rumah pada waktu makan malam.
 - b. Mengalah dan berkata kepada teman anda bahawa anda akan pergi dengan mereka pada kesempatan yang lain.
 - c. Pergi mengikut ibu bapa tetapi bermasam muka sepanjang malam.
 - d. Memberitahu ibu bapa anda bahawa anda ada perbincangan penting dengan kawan-kawan anda
 - e. Berbincang dengan ibu bapa anda untuk menentukan sama ada mereka boleh membiarkan anda pergi.
3. Anda bosan dengan makan nasi setiap hari. Bagaimanakah anda meminta izin daripada ibu bapa untuk makan malam di KFC?
 - a. "Emak, masakan mak sungguh sedap. Bagaimana kalau hari ini emak tidak usah bersusah payah untuk masak. Kita pergi makan di KFC sahaja."

- b. "Emak, saya mahu makan ayam goreng dan kentang hari ini. Bolehkah kita pergi bersama-sama ke KFC atau bolehkah saya pergi dengan kawan saya?"
 - c. "Emak, saya bosan dengan nasi setiap hari. Ibu bapa kawan-kawan saya selalu makan di luar tetapi ayah tidak pernah berbuat demikian."
 - d. "Emak, bolehkah kita memberi satu kejutan kepada ayah? Kita bawa dia ke KFC hari ini."
 - e. Pergi keluar makan dan kemudian menelefon ibu untuk memberitahu bahawa anda tidak akan pulang untuk makan.
4. Ibu anda meleter kerana bilik anda bersepeh dan tidak bersih. Baju-baju anda juga berselerakan.
- a. Memberitahu ibu bahawa ini bukan biliknya, jangan campur urusanmu
 - b. Menyedari bahawa bilik anda memang kotor dan segera mengemaskannya.
 - c. Meminta maaf dan berjanji akan memupuk tabiat yang selalu mengemaskan bilik.
 - d. Menuduh bahawa bilik emakmu juga tidak kemas.
 - e. "Kalau emak tidak suka, emak sajalah kemaskan."
5. Ibu anda telah mengatur terlalu banyak kelas tuisyen padahal anda hanya memerlukan pertolongan untuk Bahasa Inggeris dan Sains. Anda akan:-
- a. Pura-pura pergi ke kelas tuisyen tetapi sebenarnya anda pergi ke pusat hiburan atau memancing ikan.
 - b. Mengamuk, tidak mahu pergi, dan mengatakan anda terlalu letih.
 - c. Menjelaskan kepada ibu bahawa anda hanya lemah dalam Bahasa Inggeris dan Sains. Matapelajaran yang lain anda tidak menghadapi masalah yang besar dan berjanji akan memberi nilai yang baik.
 - d. Pergi ke kelas tuisyen tetapi hanya bermain-main.
 - e. Suruh ibumu pergi sendiri kalau dia begitu suka mengambil tuisyen.
6. Bapa anda terlalu sibuk dan anda merinduinya kerana banyak hal yang perlu dibincang. Apa yang akan anda lakukan?
- a. "Kenapa bapa lahirkan saya kalau tidak pernah ada waktu untuk saya?"

- b. "Bapa orang lain selalu bermain dan mengambil berat tentang anak mereka tetapi saya hidup seperti anak yatim!"
- c. Menyediakan minuman dan makanan kegemaran bapa anda sewaktu dia pulang dan menanyakan sama ada dia letih. Anda juga ambil kesempatan itu untuk bersempang-sembang dengannya.
- d. Peduli amat, saya akan menonton televisyen terus.
- e. Memberi cadangan agar anda sekeluarga pergi berkelah.

Santapan Minda

Kasih ialah keperluan emosional yang paling dasar. Sewaktu keperluan itu dipenuhi oleh orang lain, kita dapat menyelami kehangatan emosional ini daripada orang itu. Suasana emosional perkahwinan mahupun kehidupan keluarga boleh diperkuuhkan oleh ahli-ahli keluarga kalau mereka mempelajari untuk bercakap kepada sesama dalam bahasa kasih yang dasar.

~ Gary Chapman




Doa

Berdoa agar Tuhan akan memberi anda kebijaksanaan untuk menggunakan cara komunikasi dan sikap yang betul sewaktu menghadapi konflik di rumah. Berdoa agar Tuhan akan memberi kasih yang berkelimpahan dalam hati anda untuk ahli keluarga anda khususnya ibu bapa anda.

→ Persiapan Untuk Minggu Depan

Sediakan satu diari kecil untuk mencatatkan perbualan antara anda dan ibu bapa anda. Rekod ini adalah rahsia anda. Ia akan digunakan untuk membuat pengkajian diri pada minggu yang akan datang. Rekod diari anda hendaklah jujur kerana anda akan menggunakaninya untuk memahami diri sendiri.

Haruskah Semua Membungkam?





Ayat Mas Alkitab

"Dengarkanlah nasihat bapamu, kerana tanpa dia, kamu tidak ada.
Ketika ibumu tua, tunjukkanlah penghargaanmu kepadanya."

(Amsal 23:22)



Kata-kata Mutiara

Komunikasi yang lebih hebat antara ibu bapa dan para remaja harus diwujudkan agar mereka boleh saling bertumbuh, saling mengenal dan saling mengasihi.



Aktiviti Bersama

Catatan Mingguan Perbualan Kami

Lihat tulisan diari anda tentang perbualan anda dengan ibu bapa selama seminggu dan membuat satu pengkajian diri. Tulis berapa kali pernyataan ini muncul dalam perbualan dengan ibu bapa anda.

1. Saya selalu mencerahkan perasaan saya kepada ibu bapa.	*
2. Saya mencerita tentang apa yang berlaku di sekolah atau asrama.	
3. Saya jarang berbual dengan ibu bapa saya kerana saya belajar di sekolah berasrama	
4. Kami saling tuduh-menuduh sewaktu kami berbual.	
5. Saya memilih waktu yang sesuai untuk berbual dengan ayah atau ibu saya.	*
6. Saya selalu mengambil berat tentang cara saya mengungkapkan perkataan saya.	*
7. Saya menjaga nada suara saya sewaktu berbual dengan ibu bapa saya.	*
8. Saya selalu membala setiap perkataan ibu bapa saya dengan tidak sopan	
9. Saya selalu peka terhadap perasaan ibu bapa saya.	*
10. Saya selalu menang dalam perbualan dengan ibu bapa saya.	
11. Saya suka mentertawakan ibu bapa saya kerana mereka seperti sudah ketinggalan zaman dan kurang berpendidikan.	

12. Saya lebih banyak mendengar daripada bercakap sewaktu berinteraksi dengan ibu bapa saya.	*
13. Saya menghormati mereka dalam perbualan saya.	*
14. Saya berusaha untuk menciptakan suasana yang lebih baik untuk komunikasi kami.	*
15. Saya selalu menceritakan hal-hal yang tidak penting juga.	*
16. Saya selalu bergurau-senda dengan ibu bapa saya.	*
17. Saya selalu mencerita tentang kawan-kawan saya kepada ibu bapa kita.	*
18. Saya jarang bercakap dengan ibu bapa saya kerana saya selalu sibuk dengan bermain komputer.	
19. Saya jarang bercakap dengan ibu bapa saya kerana cara pemikiran kami sungguh berlainan dan kami sering bertengkar sewaktu kami cuba berbincang.	
20. Saya akan mencaci pendapat ibu bapa saya.	
21. Saya menyembunyikan banyak rahsia dalam perbualan saya.	
22. Saya tidak berusaha memahami perasaan ibu bapa saya.	

- A. Cuba hitung corak komunikasi yang selalu anda gunakan sewaktu bercakap. Pertanyaan yang bertanda * di atas menunjukkan contoh cara berkomunikasi yang baik.

• corak komunikasi yang baik (yang bertanda *)	
• corak komunikasi yang tidak baik	

- B. Tulis satu laporan mengenai corak perbualanmu. Laporan ini hanya untuk pemahaman diri anda. Namun begitu, anda boleh berkongsi dengan rakan-rakan anda sekiranya anda mahu.



Renungan Firman Tuhan

1. Perkataan-perkataan orang baik akan mendatangkan kesan apa? (Amsal 10:11) _____
2. Adakah Amsal 10:19 menggalakkan kita untuk banyak bicara?

3. Gambarkan perkatan-perkataan orang yang kudus, dan perkataan-perkataan orang yang bodoh? (Amsal 10:20)

4. Apakah yang boleh dilakukan oleh perkataan-perkataan orang yang bijak? (Amsal 12:18) _____
5. Apakah yang dikatakan oleh Alkitab mengenai orang yang tidak berhati-hati dengan perkataannya? (Amsal 13:3)

6. Apakah yang dikatakan oleh Alkitab mengenai orang yang penuh dengan muslihat? (Amsal 13:2)

7. Apakah yang dikatakan oleh Alkitab mengenai lidah yang berbahaya? (Yakobus 3:1-12) _____



Renungan Peribadi

1. Setiap kumpulan akan mengambil satu kertas mahjong dan melekatkannya pada dinding.
2. Setiap kumpulan akan menggambarkan peta minda tentang cara memperbaiki komunikasi dan perbualan bersama dengan keluarga mereka.
3. Anda boleh melukis lambang-lambang atau lukisan kartun untuk menolong mereka memahami cara berkomunikasi yang lebih baik.
4. Berikan satu tajuk yang bagus untuk peta minda mereka.

Santapan Minda

Lihat ibu bapa anda sebagai manusia dan bukan orang yang kejam. Kebenarannya ialah: Jarang ada ibu bapa sengaja ingin melukai anak-anak mereka. Kebanyakan mereka telah memperlakukan anak-anak mereka seperti cara mereka telah diperlakukan oleh ibu bapa mereka... Banyak ibu bapa yang terluka dalam. Mereka sebenarnya memerlukan pengertian kita, pengampunan kita, dan bukan cacian dan penghinaan.

~Jim Craddock



Doa

Bentukkan satu lingkaran untuk melambangkan kerelaan anda untuk membentuk kesatuan dan keutuhan keluarga. Minta Tuhan untuk memberkati anda kerana anda akan mengambil langkah memupuk komunikasi yang baik dalam keluarga.



Bagaimana Mengurus Kemarahan?





Ayat Mas Alkitab

“Jika kamu marah, janganlah biarkan kemarahan itu menyebabkan kamu berdosa. Janganlah marah sepanjang hari.” (Efesus 4:26)



Kata-kata Mutiara

Bercakap ketika anda sedang marah akan hanya mencipta satu percakapan yang anda akan menyesal selama-lamanya.



Aktiviti Bersama

Apa Yang Menyebabkan Saya Marah?

Banyak remaja marah kepada ibu bapa mereka dan banyak ibu bapa juga menaruh kemarahan terhadap anak remaja mereka. Seringkali perkataan-perkataan yang pedas dilontarkan dengan tujuan untuk saling melukai. Kadang-kala ini menyebabkan perhubungan kita pin-ping!

Bahagikan kumpulan kepada dua kelompok kecil. Satu kelompok akan mewakili ibu bapa mereka dan satu kelompok lagi akan mewakili para remaja. Mereka akan berbincang “**Apa Yang Membuat Saya Marah.**” Suruh salah seorang daripada mereka untuk menyampaikan hasil perbincangan mereka.

Ibu Bapa	Anak Remaja

Di bawah ini ada beberapa strategi yang dipakai oleh para remaja dan ibu bapa mereka sewaktu merasa marah. Tandakan **A** untuk sangat bagus, **B** bagus, **C** sederhana, **D** lemah, dan **E** gagal.

Apakah Yang Akan Saya Lakukan Sewaktu Marah?

1. Saya segera membawa masalah dan perasaan marah ini kepada Tuhan dan meminta pertolongan daripada-Nya	
2. Menuduh bahawa ibu atau bapa anda selalu suka membantah segala rancangan anda	
3. Saya akan berkata, "Ya, ibu memang pandai menyalahkan saya selalu."	
4. Saya akan meminta pengampunan daripada Tuhan dan meminta Tuhan untuk memberi saya lebih banyak kesabaran sewaktu bercakap dengan ibu bapa saya	
5. Saya akan bersenam.	
6. Saya akan mendengar muzik kesukaan saya.	
7. Saya akan berteriak dan membanting pintu.	
8. Saya akan menarik nafas panjang dan beralih dari sana.	
9. Saya akan mengatakan ibu bapa saya tidak berhak menguasai setiap aspek kehidupan saya.	
10. Saya akan melukis sesuatu yang saya sukai.	
11. Saya akan mengutuk dan menggunakan perkataan yang tidak sedap didengar.	
12. Saya akan mencerahkan semua perasaan saya dalam diari saya.	
13. Saya akan mencerahkan perasaan saya kepada seseorang yang boleh saya percayai.	
14. Saya tidak akan banyak bercakap tetapi saya akan menunggu waktu yang sesuai untuk berbincang.	
15. Saya akan melampiaskan kemarahan saya kepada adik-adik saya.	
16. Saya mengancam akan melarikan diri dari rumah.	
17. Saya akan pergi tidur sebentar.	
18. Saya akan memperbesarkan masalahnya sehingga ibu bapa saya pening kepala.	

19. Saya akan memanggil mereka dengan nama-nama yang tidak manis didengar.	
20. Saya membiarkan kemarahan saya terpendam sangat lama.	
21. Saya tidak terlalu marah kerana saya tahu ibu saya melakukan semua ini demi melindungi saya dan demi kebaikan saya.	
22. Saya mengampuni sahaja kerana mungkin ibu bapa saya belum memahami bahawa saya sedang mendewasa dan saya mempunyai keinginan untuk berdikari.	
23. Saya akan belanja ibu saya makanan kesukaannya setelah kemarahan kami reda.	
24. Saya rela meminta pengampunan daripada ibu bapa saya walau-pun saya merasa saya tidak salah.	



Renungan Firman Tuhan

1. Apakah yang dinasihati oleh Alkitab mengenai cara kita harus berkomunikasi? (Yakobus 1:19)

2. Apakah yang dikatakan oleh Yakobus mengenai orang yang marah? (Yakobus 1:20)

3. Sebagai anak-anak Tuhan apakah yang boleh kita pelajari daripada sifat Allah? (Mazmur 103:8)

4. Apakah yang akan dilakukan oleh seseorang yang bijak, dan sebaliknya oleh orang yang suka mencela? (Amsal 29:8)

5. Apakah yang dinasihati oleh petikan ini mengenai saling tuduh menuduh? (Matius 7:1-5)

6. Kalau perhubungan anda dengan ibu bapa anda sudah retak, apakah yang harus anda lakukan? (Matius 5:23-24)

7. Adakah kita dinasihati untuk memendam kemarahan kita sehingga selama-lamanya? Kenapa? (Efesus 4:25-27)
-



Renungan Peribadi

Ambil beberapa saat untuk fikirkan cara terbaik menguruskan perasaan marah anda dan cara memperbaiki perhubungan anda dengan ibu bapa anda.

Saya akan mengurus perasaan marah saya dengan cara berikut:

Santapan Minda

Kita harus bermula daripada Alkitab untuk mempelajari cara menerapkan kebenaran terhadap kemarahan kita. Firman dan Kebenaran Tuhan yang memberi kita kelahiran baru juga merupakan kuasa yang boleh dipercayai untuk menguasai dan mengurus dorongan serta perasaan kemarahan kita. Contohnya “Roh Allah telah memberikan hidup baru kepada kita; oleh itu Dia juga harus menguasai hidup kita. Kita tidak boleh menjadi somborg dan saling menyakiti hati, ataupun iri hati satu sama lain.” (Galatia 5:25-26)

~ William Backus


Kesabaran Tuhan tidak terbatas. Manusia adalah seperti cerek yang kecil. Kesalahan yang paling kecil akan cepat kita rebus dengan kemarahan kita. Kalau Tuhan seperti kita yang penuh dengan kemarahan, dunia ini sudah lama menjadi arang!

~ Sadhu Sundar Singh

Aktiviti Tambahan

Tuliskan sepucuk surat kepada ibu bapa anda dan curahkan kasih serta penghargaan anda terhadap kebaikan mereka. Anda boleh mencurahkan perasaan anda mengenai perhubungan anda dengan mereka dan meyakinkan mereka tentang keinginan anda untuk membuat segala sesuatu dengan lebih baik lagi. Beritahu mereka anda sedang berdoa tentang hal ini juga.

Pengampunan Dalam Keluarga





Ayat Mas Alkitab

Petrus datang kepada Yesus dan bertanya, "Ya Tuhan, jika saudara-ku berdosa terhadap aku, berapa kaliakah harus aku ampuni dia? Sehingga tujuh kaliakah?" Yesus menjawab, "Bukan tujuh kali, tetapi tujuh puluh kali tujuh kali!" (Matius 18:21-22)



Kata-kata Mutiara

Kalau kita memilih untuk tidak mengampuni, kita sebenarnya menghalangi kuasa Tuhan untuk menyembuhkan retakan dan luka-luka dalam hati kita dan hati orang lain.



Aktiviti Bersama Pengampunan & Penyembuhan Kepada Perhubungan yang Retak

Lakonkan Matius 18:21-35. Anda boleh melakonkannya dengan cerita moden.

Biasanya perkataan mukjizat didefinisikan sebagai suatu perbuatan ajaib yang melampaui peristiwa biasa... Kalau penyembuhan Tuhan yang ajaib terjadi ke atas seorang yang menderita barah, kita selalu berkata itu mukjizat. Seringkali kita lupa bahawa penyembuhan dan pengampunan yang terjadi ke atas perhubungan yang retak itu juga merupakan satu mukjizat.

"Nanti kakak beritahu ibu."

"Mulut celupar! Siapa takut! Tikus!" balas saya dengan suara dengan marah.

Saya masih ingat saya baru pulang ke rumah dalam keadaan mabuk dan berbau asap rokok. Saya hanya berumur 15 tahun tetapi saya sengaja menyakiti perasaan ibu bapa saya dengan arak dan rokok. Ibu saya sungguh sedih...

Ibu saya masuk ke dalam bilik tidur saya dan saya sudah bersiap sedia untuk berperang mulut dengannya. Tetapi dengan lemah-lembut ibu saya duduk di tepi katil saya dan mulai bercakap dengan nada yang tenang.

"Robert, jika mak pernah berbuat sesuatu yang salah terhadap Robert, tolong ampunilah mak ya?" kata ibu saya.

Kami berdiam sejenak.

... sambung

...sambungan

"Ibu harap Robert akan menjaga kesihatan dan tidak akan melakukan sesuatu yang memudaratkan diri," kata ibu lagi lalu beredar keluar dari kamar saya.

Tiba-tiba, Tuhan datang menyentuh hati saya dan saya menangis tersedih-sedu. Saat pengampunan telah terjadi dalam hati saya yang selalu berfikir ibu terlalu melindungi dan menguasai saya. Saya selalu membanting pintu sewaktu marah.

"Ya Tuhan, saya tidak mahu merokok atau minum arak lagi. Saya tidak mahu melukai hati ibu saya," seru saya kepada Tuhan yang Maha Penyayang.

Menurut anda, apakah yang menyembuhkan perhubungan yang retak dalam keluarga Robert?



Renungan Firman Tuhan

1. Baca Lukas 22:54-57; 63-65; 23:32-38. Seandainya anda adalah Yesus, siapakah yang paling sulit untuk diampuni?
 - Askar-askar yang memperolok-olokkan Diri-Mu dan membuat mahkota duri bagi-Mu.
 - Orang ramai yang mahu menyalibkan-Mu.
 - Pontius Pilatus yang tidak mahu membela kamu.
 - Petrus yang menyangkal-Mu
 - Yudas yang mengkhianati-Mu
2. Apakah yang dapat kita pelajari tentang pengampunan daripada perumpamaan yang terdapat di Matius 18:21-35?
3. Sebelum kita datang kepada Tuhan, apa yang harus kita lakukan kalau kita mempunyai perasaan dendam terhadap orang yang pernah menyakiti hati kita? (Matius 5:24)

4. Nasihat apakah yang diberikan oleh Yakobus kepada kita jika kita pernah berdosa terhadap orang lain? (Yakobus 5:16)



Renungan Peribadi

1. Ambil beberapa minit untuk memikirkan orang yang pernah anda lukai atau yang pernah melukai anda.
2. Tuliskan nama-nama mereka pada kertas dan apa yang ingin anda ampuni.
3. Datang kepada Tuhan dengan kertas ini dan meminta pertolongan Tuhan untuk mengampuni orang-orang ini. Minta supaya Tuhan memberkati orang-orang yang pernah melukai hatimu, ataupun yang pernah dilukai olehmu.
4. Fikirkan satu perkara baik yang boleh anda lakukan untuk orang

Santapan Minda

Berikan pengampunan kepada semua orang, dengan segala cara yang anda dapat, dalam segala jalan yang anda tahu, di semua tempat yang anda berada, di setiap masa yang anda miliki, dan selagi anda masih hidup.


~ John Wesley



Doa

“Tuhan jika saya pernah melukai sesiapa pada hari ini atau waktu - waktu yang lain, ampunilah saya. Jika saya pernah menyebabkan orang lain marah akan saya, Tuhan ampunilah saya. Ampuni semua dosa yang saya ketahui dan juga dosa yang tersebunyi. Tuhan saya ingin mengikuti Tuhan Yesus yang rela mengampuni orang lain pada setiap masa.”

Hidup Rukun Antara Adik-Beradik





Ayat Mas Alkitab

“Hendaklah kamu saling mengasihi sebagai saudara dan saling mendahului dalam memberi hormat.” (Roma 12:10)



Kata-kata Mutiara

Masalah antara adik-beradik merupakan bahagian yang biasa dalam keluarga. Namun kita haruslah berusaha untuk mengelakkaninya, sebaliknya berusaha untuk menjalinkan satu perhubungan yang akrab dengan mereka.



Aktiviti Bersama Box Office Hits!

Bayangkan anda seorang pengarah filem. Anda mahu mengarah sebuah filem keluarga yang bertemakan adik-beradik. Anda telah memilih ceritanya daripada Alkitab. Anda boleh mengubah filem ini dan menyesuaikannya menurut konteks moden.

Di bawah ini merupakan tiga filem yang anda boleh pilih untuk dilakukan. Setiap kumpulan akan memilih watak utama dan watak-watak sampingannya.

Cerita Alkitab	Judul Filem	Bintang Filem
Kain dan Habel (Kejadian 4:1-16)		
Yusuf dan abang-abangnya (Kejadian 37:1-36)		
Musa, Harun dan Miriam (Keluaran 2:1-10)		



Renungan Firman Tuhan

Jenis Keluarga Apakah Ini?

Baca Kejadian 37:1-11. Tandakan jawapan anda. Setiap soalan mungkin mempunyai lebih dari satu jawapan.

1. Apakah yang dikatakan oleh Yusuf kepada abang-abangnya? (ayat 2)
 - Dia berkata sesuatu yang manis mengenai abang-abangnya kepada ibu bapanya.
 - Memakai barang-barang mereka tanpa izin.
 - Memanggil mereka dengan nama-nama yang buruk.
 - Menyampaikan berita yang buruk kepada ibu bapa.
 - Membeli hadiah untuk mereka
2. Bagaimana reaksi abang-abang Yusuf terhadapnya apabila mereka melihat bapa mereka lebih mengasihinya? (ayat 4,11)
 - Sangat baik hati kepadanya.
 - Membencinya.
 - Berbuat sesuatu yang baik terhadapnya.
 - Sangat cemburu akannya.
 - Merancang sesuatu yang buruk terhadapnya.
3. Bagaimanakah sikap Yusuf terhadap abang-abangnya (ayat 5-8)?
 - Sangat menolong mereka.
 - Jarang bercakap dengan mereka.
 - Suka bercakap besar tentang dirinya.
 - Sangat tidak sopan terhadap mereka.
 - Tidak peka dan menyebabkan mereka cemburu.
4. Kalau anda adalah Yusuf dan anda tahu bahawa ibu bapa anda mengasihi anda lebih daripada abang-abang anda, apakah sikap anda?
 - Suka sekali menyusahkan mereka dan memasangkan perangkap agar mereka dihukum oleh ibu bapa anda.
 - Mengancam mereka dan menyuruh mereka berbuat sesuatu yang baik untuk anda.
 - Sangat baik terhadap mereka.
 - Menutup semua kesalahan mereka apabila mereka berbuat salah.
 - Yang lain (tuliskan) _____

5. Kalau anda adalah salah seorang daripada abang Yusuf, bagaimanakah anda akan memperlakukan Yusuf?
- Tidak mahu mengasihinya.
 - Cemburu akannya.
 - Selalu memastikan dia terperangkap dalam pelbagai masalah.
 - Memanggilnya dengan nama yang buruk.
 - Bertoleransi.
 - Mengajarnya agar jangan terlalu mementingkan diri.
 - Sangat baik terhadapnya dan selalu mengasihinya.



Renungan Peribadi

Adakah anda selalu bergaduh dengan adik, abang dan kakak anda? Tuliskan masalah-masalah anda di bawah ini supaya anda akan merasa lebih lega.

Masalah Saya	Jawapannya



Sekarang anda sudah mencerahkan semua masalah anda, anda sudah merasa lega! Bagaimana kalau anda minta nasihat-nasihat teman-teman dalam kumpulan anda untuk mencari satu jawapan? Berilah jawapan untuk soalan-soalan berikut:-

- a. Apakah yang patut saya lakukan kalau timbul masalah yang sama lagi?
 - b. Bagaimanakah saya boleh mencegah konflik-konflik ini?
 - c. Bagaimanakah kami boleh hidup rukun bersama walaupun kami berlainan peribadi dan cara kami berfikir?
 - d. Tindakan apakah yang boleh saya lakukan untuk memperbaikinya?

Santapan Minda

Perkataan kita yang kejam terhadap adik-beradik kita bukan sahaja akan melukai mereka tetapi juga akan menyebabkan mereka mendewasa dengan kecacatan perasaan. Contohnya kalau kita sering memanggil adik kita "hodoh," "bodoh," dan "tidak berguna," mereka akan membesar dengan perasaan tersebut. Sekalipun mereka berjaya dalam kehidupan, mereka tetap merasa kekurangan sesuatu. Berusahalah menggunakan perkataan-perkataan yang membangun dan bantulah mereka untuk mendewasa dengan harga diri yang sihat.

~Tan Hwee Yong



Doa

Dalam berpasangan, saling mendoakan agar Tuhan memberi anda kasih untuk adik-adik, abang-abang, atau kakak-kakak anda.



Membuat Pilihan



Pilihan, pilihan, pilihan. Sedarkah anda bahawa segala kisah dalam kehidupan anda melibatkan pilihan? “Patutkah aku bersarapan hari ini?” “Patutkah aku ponteng kelas tuisyen agar aku dapat belajar untuk ujian?” Setiap hari anda membuat keputusan yang mudah atau susah sama ada anda menyadarinya



Ayat Mas Alkitab

“Aku telah memikirkan kelakuanku, dan berjanji akan menurut peraturan-Mu. Aku bergegas-gegas dan tidak membuang masa untuk melakukan perintah-Mu.” (Mazmur 119:59-60)



Kata-kata Mutiara

Para belia perlu meletakkan panduan-panduan alkitabiah sebagai pedoman untuk membimbing mereka dalam membuat satu pilihan yang lebih bijak.



Aktiviti Bersama Pilihan Saya

Tandakan pilihan anda.

1. Saya lebih suka bersama kawan-kawan.
 Saya lebih suka menyendiri.
2. Saya lebih suka bermain komputer.
 Saya lebih suka membaca buku.
3. Saya lebih suka makan roti canai.
 Saya lebih suka burger.
4. Saya lebih suka berbincang dengan orang lain sebelum mengambil keputusan.
 Saya lebih suka mengambil keputusan sendiri.
5. Saya lebih suka menonton filem-filem.
 Saya lebih suka menghadiri persekutuan muda-mudi.

6. Saya lebih suka belajar sambil mendengar muzik.
 Saya lebih suka belajar dalam suasana yang sunyi.
7. Saya lebih suka tidur awal.
 Saya lebih suka tidur lewat malam.
8. Saya lebih suka bercakap.
 Saya lebih suka mendengar.



Renungan Firman Tuhan

Pertimbangkan situasi Yusuf. Dia sedang sibuk mengerjakan urusan sendiri atau urusan majikannya, dan tidak pernah memandang isteri majikannya. Namun, denyutan jantung isteri majikannya berdebar-debar setiap kali jejaka yang kacak itu muncul.

1. Suatu hari, sesuatu telah terjadi yang memaksa Yusuf dan isteri majikannya untuk membuat beberapa pilihan. Baca Kejadian:1-15 untuk melihat apa yang dilakukan oleh mereka. Tandakan di bawah ini untuk menentukan sama ada keputusan yang dilakukan oleh mereka itu betul atau salah.

	Pilihan Betul	Pilihan Salah	Alasannya
Isteri Potifar meminta agar Yusuf menidurinya.			
Yusuf menolak apabila isteri Potifar meminta Yusuf menidurinya.			
Isteri Potifar berusaha memaksa Yusuf tetapi Yusuf berlari meninggalkan biliknya.			
Apabila hal ini terjadi, isteri majikan memfitnah Yusuf dalam usahanya membela diri.			

2. Adakah Yusuf telah mempertimbang pilihannya dengan terperinci atau dia telah membuat keputusannya ketika peristiwa itu berlaku?

3. Bahagian manakah dalam petikan Akitab ini yang menyokong jawapan anda?

Kesan Pilihan Yang Betul



Mari kita melihat Yusuf sekali lagi dan memerhatikan apa yang terjadi kepada dirinya setelah dia membuat satu keputusan.

1. Apakah yang akan terjadi kepada Yusuf setelah dia membuat pilihannya? Pilih jawapan-jawapan yang betul.
 - Majikannya memarahi isterinya dan memintanya untuk memohon maaf daripada Yusuf.
 - Dia telah dituduh kerana membuat sesuatu yang jahat.
 - Dia dipermalukan dan dilemparkan ke dalam penjara.
 - Majikannya begitu gembira dengan kejujurnya dan telah membalaikannya.
 - Dia kehilangan kepercayaan terhadap tuannya.
 - Majikannya berkata dia terlalu kacak untuk menjadi seorang hamba dan telah membebaskannya.

2. Adakah Yusuf menikmati balasan baik kerana dia memilih yang baik? Kenapa?



“Oh Ya?” kata anda. Bayangkan, saya memilih untuk menurut Tuhan dan akhirnya saya terpaksa masuk ke dalam penjara Pudu atau Kajang!

Tunggu sebentar! Ini bukan penutup cerita Yusuf. Baca Kejadian 39:21-23.

3. Apakah yang terjadi kepada Yusuf ketika dia berada di penjara?

4. Baca Kejadian 41:39-43. Apakah yang terjadi kepada Yusuf pada akhirnya?

Lihat bagaimana Tuhan bekerja dalam kehidupan Yusuf. Kalau Yusuf tidak memilih untuk melakukan apa yang berkenan di mata Tuhan, dia tidak akan dilemparkan ke dalam penjara. Kalau Yusuf tidak berada dalam penjara, dia tidak akan dapat menterjemah mimpi Firaun dan tidak akan menjawat jawatan sebagai Pegawai Kanan Firaun. Dia akan menjadi hamba seks isteri Potiphar!

Jadi, Yusuf telah menerima balasan baik kerana dia telah membuat pilihan yang betul.



Renungan Peribadi

Anda mungkin sedang membuat pilihan tertentu dalam kehidupan. Apakah tiga pilihan itu?

- ①
- ②
- ③

Sekarang mari kita selidiki apakah keputusan penting yang telah anda lakukan atau keputusan yang perlu anda buat? .

- ①
- ②
- ③

Kalau anda tidak dapat membuat pilihan, jangan khawatir. Berdoa atas ketiga-tiga keputusan itu dan kemudian buatlah pilihan anda.

Santapan Minda

Kadangkala apabila kita membuat pilihan-pilihan, kita tidak akan segera melihat kebaikan keputusan itu terhadap diri kita sendiri atau orang lain. Jangan kecewa kerana Tuhan kita adalah Tuhan yang setia. Dia akan ingat bahawa anda memilih apa yang baik dan Dia akan memberkati anda pada akhirnya.


~ Goh Kim Guat



Doa

Serahkan segala keputusan yang telah dibuat atau yang akan dibuat oleh anda kepada Tuhan dalam doa. Minta agar Tuhan memberi anda kebijaksanaan untuk membuat keputusan.

Pertunjukan Fesyen





Ayat Mas Alkitab

“Janganlah kecantikan anda bergantung kepada hiasan rambut, barang-barang kemas, ataupun pakaian yang mahal-mahal. Sebaliknya, hendaklah kecantikan kamu terdiri daripada batin yang murni, budi pekerti yang lembut dan tenang. Itulah kecantikan abadi yang sangat berharga di sisi Allah.” (1 Petrus 3:3-4)



Kata-kata Mutiara

Para belia harus digalakkan untuk memakai pakaian yang sopan dan tidak hanya mengikut cara pemakaian pakaian orang lain. Mereka tidak harus mengikut fesyen semasa tanpa membuat sebarang pertimbangan.



Aktiviti Bersama

Berapa Pentingkah Pakaian Kepada Anda?

Banyak orang terlalu mengambil berat akan pakaian mereka ketika mereka keluar dengan kawan-kawan. Apa yang penting kepada kita bukanlah adakah kita kurus atau gemuk, ada berapa jerawat di muka kita, tetapi penampilan pada keseluruhannya dari kepala sampailah ke kaki - rambut, pakaian mahupun kasut kita. Sejauh manakah anda sedar akan rupa anda khususnya cara anda berpakaian?

Koleksi Baju Saya	Selalu	Tidak Pernah	Kadang-kadang
1. Saya tidak terlalu mengambil berat tentang pakaian saya.			
2. Saya lebih suka memakai sesuatu yang selesa daripada sesuatu yang bergaya.			
3. Saya akan memilih pakaian dengan teliti khususnya apabila saya keluar.			
4. Saya suka memakai pakaian yang mempunyai gaya yang terkini.			
5. Saya suka berjalan-jalan dan melihat baju-baju sekalipun saya tidak mengikut fesyen.			

Koleksi Baju Saya	Selalu	Tidak Pernah	Kadang-kadang
<p>6. Saya tidak mengambil kira berapa mahal pakaian saya asalkan saya kelihatan cantik bila memakainya.</p> <p>7. Saya akan mengikut apa yang dipakai oleh teman-teman saya agar tidak merasa janggal.</p> <p>8. Terlalu mementingkan fesyen hanya membuang waktu saya. Jadi saya tidak meluangkan terlalu banyak waktu.</p> <p>9. Saya tidak peduli apakah baju saya dianggap bagus atau tidak. Yang penting ia tidak merunsingkan saya asal saya kelihatan bagus.</p> <p>10. Saya sangat peka kepada jenama baju yang saya pakai, atau dari mana saya beli pakaian tersebut (dari pasar malam atau kedai berjenama).</p>			



Renungan Firman Tuhan

- Baca 1 Petrus 3:3-4. Apakah kecantikan yang sebenar menurut pandangan Tuhan?

- Apakah dua ciri khas yang disebutkan oleh Tuhan sebagai sesuatu yang sangat berharga?

- Tuhan tidak ingin anda menghamburkan wang, tenaga, dan waktu untuk membeli-belah? Apakah yang Tuhan inginkan untuk kehidupan rohani anda?

4. Baca 1 Korintus 10:23-24. Kalau kita mahu melakukan sesuatu, apakah yang menjadi panduan menurut 1 Korintus 10:23-24?
-
-

5. Apakah panduan untuk kita sewaktu kita memakai pakaian?
-
-

6. Apakah menghaburkan banyak wang untuk membeli baju itu salah bagi orang Kristian? Kenapa?
-
-



Renungan Peribadi

Gaya Pakaian 1: Jangan ikut orang lain

- Saya terlalu mengikuti fesyen dan telah meluangkan terlalu banyak waktu mengenai pakaian saya.

Gaya Pakaian 2 : Berpakaian Elegan Tidak Semestinya Boros

- Saya membazirkan banyak wang.
- Saya sering membeli baju berjenama.

Gaya Pakaian 3 : Berpakaian dengan Sopan

- Saya tidak pernah terfikir sama ada pakaian saya akan menyebabkan orang lain tersandung.
- Saya terlalu asal-asalan dalam pakaianku.

Gaya Pakaian 4 : Yang Lain-Lain

- Pakaian saya selalu cerah dan bermotif bunga-bungaan.
- Pakaian saya selalu berwarna gelap.



Santapan Minda

Setiap peribadi ada mata air batin; biarlah Kristus menjadi mata air itu. Setiap tindakan ada nota nadanya; biarlah Kristus menjadi nota nada utama di mana seluruh irama kehidupanmu dikemundang. Biarlah pakaianmu ada penentunya; biarlah Kristus menjadi penentunya juga.


~ Henry Drummond



Doa

Apa yang diingini oleh Tuhan ialah pemilihan yang bijaksana. Kita akan mengikut Dia sewaktu membuat pilihan demi kebaikan diri sendiri dan juga orang lain. Jadi sewaktu kita berpakaian sopan, kita membawa kemuliaan kepada Tuhan dan tidak menyebabkan orang lain tersandung.

Irama dan Lagu untuk Jiwaku





Ayat Mas Alkitab

“Akhirnya, saudara-saudaraku, hendaklah kamu menumpukan fikiran hanya kepada perkara-perkara yang baik dan yang patut dipuji, iaitu perkara yang baik dan yang patut dipuji, iaitu perkara yang benar, yang mulia, yang adil, yang murni, yang elok dan yang terhormat.” (Filipi 4:8)



Kata-kata Mutiara

Para belia perlu merumuskan panduan alkitabiah untuk menolong mereka memilih jenis lagu yang disukai oleh mereka.



Aktiviti Bersama

DJ Suara Remaja

Muzik ialah sebahagian daripada kehidupan para remaja dan belia. Lagu dan irama memang pemberian indah yang mengalir dari hati dan ia akan mempengaruhi emosi anda. Anda terharu kerana anda boleh menyelami perkataan atau irama lagu itu. Bolehkah kita berkata anda mungkin boleh bertahan tanpa makanan untuk beberapa hari tetapi tidak dengan muzik? Kalau begitu, adakah ini bererti anda boleh mendengar apa saja muzik dan lagu?

Bayangkan anda bekerja sebagai DJ di Suara Remaja di RTM atau TV3. Pengurus anda meminta anda menyenaraikan lima lagu Kristian dan lima lagu sekular yang terkenal. Dia juga ingin mengetahui pendapat anda dan dia telah e-mel borang ini kepada anda supaya anda boleh mengisinya.

Gunakan skala ini untuk menilai lagu-lagu anda.

0	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
Kurang Baik					Sangat Baik					

Lagu Kristian Kontemporari Terpopular	Lirik		Gaya Muzik	Gaya Hidup Penyayi & Pemuzik	Nilai Keseluruhan
	Mesej	Bahasa			
1.					
2.					
3.					
4.					
5.					

Lagu Sekular/Pop Terpopular	Lirik		Gaya Muzik	Gaya Hidup Penyayi & Pemuzik	Nilai Keseluruhan
	Mesej	Bahasa			
1.					
2.					
3.					
4.					
5.					

Lagu-Lagu Kesukaan Terbaik Saya

Sekarang giliran anda. Setelah apa yang anda pelajari pada hari ini, apakah anda gembira dengan lagu-lagu yang anda dengar selama ini? Adakah anda akan mendengarnya lagi?

Gunakan skala yang sama seperti Siaran Radio dan nilai semua lagu kesukaan anda. Kemudian isikan di ruang yang terakhir dengan apa yang akan anda lakukan untuk lagu ini.

- Ya, saya akan tetap mendengarnya
- Tidak, saya tidak akan mendengarnya lagi
- Tolong, saya belum mengambil keputusan! Saya berjanji untuk berfikir dan berdoa atas hal ini dan kemudian membuat keputusan.

Lagu-lagu kegemaran saya (Kristian & Sekular)	Lirik		Gaya Muzik	Gaya Hidup Penyayi & Pemuzik	Apa yang Akan Saya Lakukan?
	Mesej	Bahasa			
1.					
2.					
3.					
4.					
5.					



Renungan Firman Tuhan

1. Mengapakah kita diminta untuk tidak menjadi serupa dengan dunia dan mengikut segala lagu duniawi? (Roma 12:2)

2. Apakah erti “menumpukan fikiran pada perkara-perkara di atas dan bukan pada perkara-perkara dunia?” (Kolose 3:1-4).
-

3. Bagaimanakah kita harus berfikir? (Filipi 4:8)
-

4. Adakah lirik lagu yang kamu dengar mengikut panduan yang terdapat pada Filipi 4:8?
-

5. Apakah yang dikatakan Alkitab dalam Mazmur 119:37 mengenai cara dan bagaimana kita harus menumpu fikiran kita?
-



Renungan Peribadi

Saya akan memilih muzik yang memiliki

a. lirik _____

b. gaya muzik _____

c. penyanyi/kugiran _____



Santapan Minda

Lagu-lagu rohani yang diurapi oleh Roh Kudus berkuasa untuk membentuk peribadi kita dan membawa perhubungan yang intim dengan Sang Kekasih kita iaitu Allah.

~Tan Hwee Yong

Memo Kepada Tuhan

Tuhan, saya mahu menukar segala tabiat mendengar lagu atau menonton filem saya mulai dari hari ini. Saya ingin memilihnya dengan berhati-hati kerana saya tahu apa yang saya dengar dapat mempengaruhi mental, emosi dan juga kelakuan saya. Saya mahu mendewasa dengan cara yang sihat. Oleh kerana ini, saya mahu semua yang mengisi fikiran saya itu dapat menolong saya mendewasa dengan cara-cara yang positif.



Doa

Gunakan “Memo Kepada Tuhan” di atas sebagai doa anda.

Panduan Pembimbing

Sesi 1: Mencari Pola Komunikasi Yang Lebih Baik



Objektif-Objektif Sesi

Sesi ini akan menolong para pelajar untuk :

1. Memahami pola komunikasi yang lebih baik.
2. Menyelidiki kelemahan pola komunikasi yang lazim terjadi sewaktu berkomunikasi dengan ibu bapa mereka.
3. Mencari pola komunikasi yang lebih baik antara para remaja dan ibu bapa mereka.
4. Memahami bahawa firman Tuhan dapat menolong dan memberi kebajaksanaan kepada mereka untuk berkomunikasi dengan lebih baik.



Pencetus Minat

Suruh semua ahli kumpulan melakonkan isu-isu yang dihadapi oleh mereka dengan sejurnya.

1. Terlalu banyak waktu yang digunakan untuk permainan komputer sering menjadi masalah antara para remaja dan ibu bapa mereka.
2. Para remaja mulai memupuk persahabatan dengan kawan-kawan dan kadangkala mereka mungkin keluar menonton filem atau makan bersama dengan kawan-kawan mereka. Ibu bapa mereka mungkin tidak suka kalau mereka keluar hingga larut malam.
3. Banyak remaja suka mewarnai rambut mereka atau memakai anting-anting (lelaki). Remaja perempuan pula suka memakai skirt yang terlalu pendek atau pakaian yang terlalu mendedahkan. Ini mungkin menimbulkan konflik.
4. Bil telefon rumah dan telefon bimbit remaja melambung tinggi.
5. Ibu bapa khawatir kalau anak-anak remaja mereka bergaul dengan orang yang tidak baik dan mengikut tabiat yang buruk seperti merokok atau menjadi kaki botol.



Aktiviti Bersama

Setelah lakonan mereka, jelaskan kepada mereka pola komunikasi yang dapat mengatasi konflik.

1. Jelaskan bahawa pola komunikasi mereka dengan ibu bapa mulai berubah sewaktu mereka remaja. Ibu bapa masih mengasihi dan melindungi mereka tetapi para remaja ingin kebebasan dan membuat keputusan sendiri. Mereka ibarat ingin memainkan layang-layang sendiri tetapi ibu bapa mereka mahu memegang talinya. Jelaskan konflik terjadi kerana ibu bapa mereka mengambil berat tetapi mereka menduga ibu bapa mereka terlalu menguasai mereka.
2. Di keluarga Asia, biasanya kita tidak terlalu banyak mencurahkan perasaan kita kepada sesama. Kita mungkin kurang memahami perasaan sesama.
3. Latar belakang keluarga juga menentukan pola komunikasi antara para remaja dan ibu bapa mereka. Suasana keluarga yang mesra mengalakkkan perbincangan yang lebih terbuka.
4. Keluarga Kristian perlu mengundang Tuhan untuk menolong mereka agar mereka berkomunikasi lebih intim dengan Tuhan dan sesama.
5. Jelaskan pola komunikasi yang sihat: Selalu berkata sesuatu yang baik walaupun mereka tidak bersetuju dengan sesama. Gunakan pendekatan yang positif seperti “tuisyen dapat menolong saya tetapi subjek tertentu saya boleh belajar sendiri.” Jangan berkata, “Ibu sendiri yang perlu tuisyen.”
6. Jangan gunakan “You”, “Kau” atau “Kamu” seperti “Kamu selalu membuat saya marah sahaja tetapi sebaliknya saya marah kerana saya tidak bermaksud begitu.”
7. Jangan saling tuduh menuduh atau memanggil nama yang tidak sedap didengar.
8. Jangan sengaja menyakiti hati ibu bapa.
9. Tunggu sehingga waktu yang tepat untuk berbincang hal-hal yang sensitif.
10. Jangan unkit hal yang lama, selalu mengampuni dan lupakan pergaduhan yang lalu.
11. Berikan kata-kata pujian supaya perhubungan anda dapat terjalin intim.



Renungan Firman Tuhan

1. Konflik yang terjadi kalau difahami dengan tulus dan jujur dapat membentuk keperibadian kita. Biasanya disiplin yang dikenakan kepada kita bermaksud untuk menolong kita. (Roma 8:28)

2. Kita menghadapi segala konflik dengan kuasa Tuhan yang memberi kita kekuatan. (Filipi 4:13)
3. Kita diminta untuk menghormati ibu bapa kita dan ibu bapa juga dinasihati agar jangan menaikkan amarah anak-anak mereka. (Efesus 6:1-4)
4. Kasih adalah perkara yang paling penting dalam keluarga. Kalau kita mengasihi seseorang kita lebih mudah mengampuni kesalahannya. Kasih itu sabar, baik hati, tidak iri hati, tidak bercakap besar, tidak sompong, tidak berkasar, tidak cepat tersinggung, tidak mendendam, tidak suka akan kejahanatan tetapi suka kebaikan, tahan menghadapi segala sesuatu, mempercayai orang lain, tidak hilang pengharapan dan sentiasa bersabar. (I Korintus 13:4-7)



Renungan Peribadi

Anda boleh mengambil kesempatan ini untuk mengalih pandangan mereka kepada pola komunikasi yang lebih baik. Jika anda ada cara yang lebih baik, anda boleh berbincang dengan mereka.

Jelaskan juga **Santapan Minda**: Walaupun pola komunikasi yang lebih baik sangat penting namun kasih dapat mengatasi semua kesalahan. Tegaskan bahawa mereka mesti selalu memohon agar Tuhan memenuhi hati mereka dengan kasih.



Doa

Tutup sesi ini dalam doa dengan meminta kasih daripada Tuhan untuk menjalin pola komunikasi yang baik dalam keluarga.

Persediaan untuk Aktiviti Sesi Berikut



Minta mereka mencatat dalam jurnal segala komunikasi dengan ibu bapa mereka untuk satu minggu kerana mereka akan membuat satu pengkajian tentang diri sendiri. Beritahu mereka bahawa mereka boleh merahsiakan pengkajian mereka kalau mereka tidak ingin teman-teman mereka mengetahuinya kerana ia bermaksud untuk pemahaman diri.

Sesi 2: Haruskah Semua Membungkam?



Objektif-Objektif Sesi

1. Memahami bahawa keperluan untuk komunikasi yang lebih baik sangat penting.
2. Menyedari bahawa mereka perlu mengambil langkah yang pertama untuk mencipta suasana komunikasi yang lebih baik.
3. Memahami jenis komunikasi mereka selama ini.
4. Memahami kekurangan diri sendiri dan berusaha untuk memperbaikinya.



Aktiviti Bersama

Kalau ahli kumpulan anda ada mencatat cara mereka berkomunikasi di rumah, suruh mereka menanda ayat-ayat yang menggambarkan cara mereka berkomunikasi dan menulis satu laporan yang ringkas untuk diri sendiri. Kalau mereka belum, mereka tetap boleh membuat lembar kerja.

1. Mereka mungkin membesar di rumah di mana ibu bapa jarang mencerahkan perasaan kepada mereka dan mereka juga jarang berkomunikasi. Galakan mereka untuk mencerahkan perasaan mereka kepada keluarga.
2. Bersikap terbuka kepada ibu bapa mereka dan cerita tentang sekolah serta kawan-kawan mereka.
3. Kalau mereka bersekolah di sekolah berasrama, ajak mereka untuk menulis atau menelefon ibu bapa mereka. Kalau mereka pulang untuk bercuti mereka mesti berusaha untuk berkomunikasi dengan ibu bapa.
4. Saling tuduh-menuduh tidak dapat menyelesaikan masalah malah akan lebih menyakiti hati mereka dan ibu bapa mereka.
5. Pilih waktu yang tepat untuk bercakap. Anda mesti peka kepada ibu bapa. Jangan pilih waktu ayah anda baru pulang dari kerja dan sangat lelah.
6. Kita perlu berhati-hati sewaktu mengeluarkan perkataan.
7. Jagalah nada suara kita sewaktu bercakap.
8. Berusaha menghormati dan menghargai mereka. Perkataan tidak sopan akan menyebabkan mereka meleter lebih dan menyulitkan komunikasi.

9. Ibu bapa mesti peka terhadap para remaja. Para remaja pula mesti peka seperti jangan mencaci mereka sebagai ketinggalan zaman dalam fesyen mereka.
10. Apakah gunanya kalau kita menang dalam perdebatan dengan ibu bapa dan akhirnya kedua-dua pihak terluka dalam perasaan?
11. Belajar mengenang budi ibu bapa yang berusaha untuk menolong kita dan memberi kita pendidikan. Sekalipun mereka hanyalah seorang nelayan, petani atau pemandu taxi, kita mesti merasa bangga terhadap mereka.
12. Kita digalakkan untuk lebih mendengar supaya dapat lebih memahami orang lain.
13. Kita menghormati ibu bapa kita kerana mereka telah dipilih oleh Tuhan untuk menjaga kepentingan kita serta urusan kehidupan kita.
14. Kita semua mesti belajar tanggungjawab mencipta suasana yang mesra dalam keluarga.
15. Kadangkala ibu bapa kita merasa kehilangan kita kerana kita lebih banyak berborak-borak dengan kawan kita daripada mereka.
16. Bergurau-senda adalah satu aspek kehidupan yang penting untuk mencipta suasana yang akrab.
17. Kadangkala ibu bapa kita khuatir kalau kita bergaul dengan kawan-kawan yang tidak baik. Kita boleh memupuk kepercayaan dengan mencerita tentang kawan-kawan kita kepada ibu bapa kita.
18. Kesibukan dengan komputer telah merampas perhubungan yang intim.
19. Kalau kita berusaha memahami corak fikiran ibu bapa kita akan memperoleh banyak berkat.
20. Kita berusaha memuji ibu bapa kita dan tidak mencaci.
21. Pada waktu remaja kita suka menyimpan rahsia tetapi kadangkala ibu bapa kita bijak dan boleh memberi nasihat kepada kita.
22. Kita selalu ingin ibu bapa kita memahami perasaan kita dan memberi sokongan emosi kepada kita. Komunikasi akan menjadi lebih baik kalau kita memahami perasaan mereka juga.



Renungan Firman Tuhan

1. Perkataan orang yang baik mendatangkan kebahagiaan tetapi kata-kata orang yang jahat mendatangkan kekejaman. (Amsal 10:13)

2. Kita digalakkan agar jangan banyak bercakap kerana lebih banyak kita bercakap, lebih cenderung kita berdosa. Kita perlu berhati-hati dengan perkataan kita (Amsal 10:19)
3. Perkataan-perkataan seorang bijak adalah seperti perak yang murni dan perkataan-perkataan yang bodoh tidak bererti dan tidak bernilai. (Amsal 10:20)
4. Perkataan-perkataan yang pedas melukai hati seperti tikaman pedang tetapi ucapan orang yang bijak menyembuhkan bagai ubat. (Amsal 12:18)
5. Orang yang cepat-cepat membala juga membinasakan diri dan tidak hanya melukai hati orang lain. (Amsal 13:3)
6. Orang yang penuh dengan muslihat akan mendatangkan keganasan. (Amsal 13:2)



Renungan Peribadi

Bahagikan peserta-peserta anda kepada beberapa kelompok, kemudian:

- a. Berikan beberapa helai kertas mahjong atau kertas lain dan tampaikannya pada dinding.
- b. Suruh mereka membuat satu peta minda untuk memperbaiki komunikasi di rumah, mereka boleh menggunakan kartun, lambang-lambang yang berwarna warni.
- c. Biarkan peta minda mereka pada dinding selama beberapa minggu.



Doa

Suruh peserta anda berpegangan tangan dan membentuk satu lingkaran yang besar untuk melambangkan kesatuan hati mereka untuk membentuk keluarga yang lebih baik. Mereka akan berdoa untuk komunikasi yang lebih intim dengan ibu bapa mereka. Minta Tuhan memberkati mereka kerana mereka sanggup mengambil langkah pertama dalam memupuk komunikasi yang akrab. Minta juga Tuhan untuk menolong mereka bagi memahami ibu bapa mereka dan membawa perubahan dalam kehidupan keluarga mereka.

Sesi 3: Bagaimana Mengurus Kemarahan?



Objektif-Objektif Sesi

Sesi ini akan membimbing para peserta untuk:

1. Memahami punca-punca yang mencetus kemarahan antara mereka dan ibu bapa mereka.
2. Mempelajari cara-cara yang baik dan kreatif untuk menguasai perasaan marah.
3. Memahami firman Tuhan mengenai kemarahan dan menerapkannya.
4. Mengatasi konflik dan pemintaan pengampunan daripada ibu bapa mereka.



Pencetus Minat

Bahagikan peserta-peserta anda kepada dua kelompok kecil. Satu kelompok akan mewakili ibu bapa mereka dan mereka akan berbincang seakan-akan mereka adalah ibu bapa mereka. Mereka akan mencerahkan segala perkara yang menyebabkan kemarahan mereka. Satu kelompok lagi akan mewakili para remaja dan mereka akan membincang apa yang menyebabkan mereka marah. Setelah itu kedua-dua kelompok ini akan menyampaikan laporan kepada seluruh kumpulan.



Aktiviti Bersama

Apakah Yang Akan Saya Lakukan

Sewaktu Marah?

1. Bawakan kemarahan kepada Tuhan sewaktu marah adalah lebih baik daripada bertengkar atau memendamnya di dalam hati dan membara dengan kemarahan.
2. Ibu bapa anda mungkin merasa anda belum cukup dewasa untuk mengambil keputusan bijak. Kadangkala mereka mengawasi anda sehingga anda merasa seakan-akan mereka menentang anda. Anda tidak akan marah kalau anda memahami mereka sebenarnya sangat mengambil berat tentang diri anda.
3. Berperang mulut tentang siapa yang salah malah akan memanaskan obor kemarahan. Tunggu saat tepat untuk mencerahkan perasaan, "Saya merasa..." lebih baik daripada, "Awak selalu menuduh saya..."
4. Pengampunan daripada Tuhan dan sesama dapat menghapuskan semua dosa dan menyembuhkan hati yang terluka.

5. Bersenam dapat melepaskan segala yang mengusut fikiran dan perasaan sehingga anda lebih beras dalam fikiran dan emosi.
6. Muzik yang baik boleh menenangkan perasaan marah dan mengubah suasana hati.
7. Sewaktu berteriak anda mungkin mengeluarkan kata-kata yang membuat anda kesal.
8. Sewaktu anda sungguh-sungguh marah, adalah lebih baik kalau anda beralih ke tempat lain sehingga anda tenang.
9. Anda merasa anda sudah dewasa namun ibu bapa anda belum terlalu yakin lagi dan ini akan menyebabkan sedikit konflik.
10. Sama seperti mendengar muzik, melukis juga dapat menenangkan fikiran kita.
11. Kutukan dan perkataan yang tidak manis mematahkan semangat ibu bapa anda. Jauhkan daripada mengutuk kerana Tuhan mahu kita menghormati dan memberkati ibu bapa kita.
12. Menulis diari dapat menolong anda memahami diri sendiri dan mencari cara yang baik untuk memperbaiki situasi.
13. Anda boleh bertukar fikiran jika anda mempunyai seorang kawan atau sepupu yang boleh memahami anda.
14. Menunggu sehingga tepat untuk bercakap merupakan langkah yang paling bijak untuk mengelakkan konflik.
15. Melampiaskan kemarahan kepada adik-adik akan menyeret seluruh keluarga dalam masalah.
16. Melarikan diri dari rumah mungkin akan menyebabkan masalah ini menjadi kes polis kalau ibu bapa anda terpaksa membuat laporan polis.
17. Keletihan mungkin akan menyebabkan anda cepat marah. Tidur atau istirehat akan dapat menolong anda.
18. Selesaikan sesuatu masalah dan jangan mengungkitkannya lagi.
19. Sukakah anda dipanggil dengan nama-nama yang tidak manis didengar?
20. Kajian menunjukkan bahawa kemarahan yang terpendam akan menimbulkan pelbagai penyakit seperti sakit kepala dan sakit perut.
21. Kalau kita tahu ibu bapa kita sedang melindungi kita maka kita tidak akan marah lagi.
22. Kita akan lebih memahami ibu bapa kita kalau kita tahu kadang-kala meraka lupa bahawa kita sedang meningkat dewasa dan ingin berdikari.
23. Belanja ibu bapa anda makan boleh meruntuhkan tembok halangan.

24. Kita harus belajar bermurah hati dengan perkataan-perkataan seperti “I am sorry” atau “Maafkan saya.”



Renungan Firman Tuhan

1. Alkitab menasihati setiap orang untuk cepat mendengar, lambat berkata-kata dan lambat naik marah. (Yakobus 1:19)
2. Orang yang cepat marah tidak dapat menyenangkan hati Tuhan dan tidak dapat melakukan perkara yang baik. (Yakobus 1:20)
3. Sebagai anak Tuhan kita harus panjang sabar dan penuh dengan kasih. (Mazmur 103:8)
4. Seorang yang bijak akan menenteramkan suasana dan orang yang suka mencela mengacau seluruh kota (Amsal 29:8)
5. Sebelum kita menghakimi orang lain atas kesalahan mereka yang mungkin selumbar dibandingkan dengan kesalahan kita yang sebesar kayu balak. (Matius 7:1-5)
6. Kita harus berdamai dengan mereka sebelum kita tampil ke mezbah Tuhan untuk menyembah atau berdoa. (Matius 5:23-24)
7. Jika kita marah janganlah kita marah sepanjang hari dan berdosa. (Efesus 4:25-27)



Renungan Peribadi

Berilah ahli-ahli kumpulan anda beberapa minit untuk merumuskan cara mengurus perasaan marah mereka dan waktu untuk berdoa serta meminta pengampunan dari Tuhan serta pertolongan-Nya.



Aktiviti Tambahan

Setiap orang dari kumpulan anda juga boleh menulis surat untuk menyatakan kasih dan penghargaan mereka terhadap ibu bapa mereka. Jika mereka ada perasaan tertentu yang ingin diungkapkan, mereka boleh mencerahkannya di dalam surat ini. Mereka boleh menulis surat ini di rumah atau di tempat yang tenang.

Sesi 4: Pengampunan Dalam Keluarga



Objektif-Objektif Sesi

Sesi ini bertujuan membimbing para peserta untuk:

1. Mengajar para belia agar selalu mengampuni sewaktu ada orang atau ahli keluarga melukai hati mereka.
2. Memahami firman Tuhan tentang pengampunan.
3. Mengajak mereka menyelidiki hati mereka dan mengambil keputusan mengampuni mereka yang telah melukai mereka.
4. Berdoa bagi mereka yang telah melukai hati mereka.



Pencetus Minat

Setelah mereka telah melakonkan babak ini, anda boleh berbincang dengan mereka tentang maksud drama ini.

1. Kita mengampuni kerana Tuhan terlebih dahulu mengampuni kita. Sewaktu kita masih berdosa dan masih musuh Tuhan, Dia telah mengampuni kita di kayu salib.
2. Kita diminta agar selalu mengampuni walaupun orang itu mungkin melakukan kesalahan terhadap kita berulang kali.
3. Kita diminta untuk mengampuni serta berdoa untuk orang yang bersalah terhadap kita.
4. Kita diminta untuk memperbaiki tingkah laku terhadap orang yang pernah kita lukai, berbelas kasihan terhadap mereka dan berbuat sesuatu yang baik untuk mereka.



Aktiviti Bersama

Kehidupan Robert telah berubah kerana ibunya rela mengampuni Robert serta meminta pengampunan daripada Robert. Segala kekerasan hatinya telah dilembutkan oleh kelembutan ibunya.



Renungan Firman Tuhan

1. Saya mungkin menghadapi kesulitan untuk mengampuni mereka semua tetapi Tuhan Yesus telah mengampuni semua orang yang telah menyalibkan-Nya di kayu salib sewaktu Dia tergantung di kayu salib. Jadi, saya akan belajar untuk mengampuni musuh saya.

2. Saya akan selalu mengampuni kerana Tuhan Yesus terlebih dahulu mengampuni saya dan saya akan belajar mengampuni berulang kali.(Matius 18:21-35)
3. Sebelum datang ke hadirat Tuhan, saya akan menyelesaikan segala perasaan dendam dan berbaik dengan orang yang pernah saya dendam. (Matius 5:24)
4. Berdoa untuk sesama agar penyembuhan dapat dialami oleh kita dan orang yang pernah kita lukai atau sebaliknya. (Yakobus 5: 16)



Renungan Peribadi

Mainkan muzik atau lagu yang berkaitan dengan pengampunan dan minta para peserta untuk mendoakan orang yang pernah dilukai oleh mereka, atau yang pernah melukai mereka.



Doa

Pimpin mereka untuk minta penyembuhan untuk hati mereka. Galakkkan mereka untuk mendoakan orang yang pernah disakiti mereka dan berdoa untuk pemulihan perhubungan.

Sesi 5: Hidup Antara Adik-Beradik



Objektif-Objektif Sesi

1. Mengajar para pelajar memupuk perhubungan yang baik dengan adik-adik dan abang-kakak mereka.
2. Belajar bagaimana mengatasi masalah dan konflik dengan adik-adik dan abang-kakak mereka.
3. Belajar daripada Alkitab tentang cara memperlakukan adik-adik mereka dan abang-kakak mereka.
4. Memperbaiki perhubungan mereka dengan semua ahli keluarga mereka.



Aktiviti Bersama

Box Office Hits!

1. Habel membawa domba-domba yang terbaik kepada Tuhan dan Kain mempersesembahkan hasil tanaman yang sederhana. Habel telah dipuji oleh Tuhan atas persembahannya. Ini menyebabkan Kain cemburu lalu dia membunuh Habel. Jelaskan bahawa di dalam keluarga, kita harus saling memberi sokongan kepada adik-adik atau abang-kakak kita agar kita dapat bertumbuh dengan sihat. Kecemburuuan sering menimbulkan masalah dalam keluarga kita. (Kejadian 4:1-16)
2. Kita juga harus selalu bertimbang rasa terhadap adik-adik atau abang-kakak kita dan tidak menyebabkan mereka marah. Kita perlu peka terhadap perasaan mereka dan jangan membuat mereka marah. Abang-abang Yusuf sangat cemburu terhadapnya dan seharusnya mereka tetap mengasihi Yusuf dan bersama-sama membentuk masa hadapan yang cemerlang. Bagaimanapun Yusuf memilih untuk mengampuni mereka dan menolong mereka sewaktu dia menjadi perdana menteri di Mesir. (Kejadian 37:1-36)
3. Miriam sangat mengasihi adiknya Musa dan mahu melindungi nyawa adiknya. Kita harus selalu berusaha melindungi ahli keluarga kita dan bukan mengancam atau melukai mereka. (Keluaran 2:1-10)



Renungan Firman Tuhan

- | | | |
|------|------|------|
| 1. d | 3. c | 5. g |
| 2. b | 4. e | |



Renungan Peribadi

Beri mereka beberapa saat untuk merenung masalah perhubungan mereka dengan adik beradik mereka. Jika mereka tidak keberatan, mereka boleh berbincang dan berkongsi dengan kawan-kawan mereka.



Doa

Sebelum berdoa dengan mereka, galakkan mereka untuk memikirkan satu hal yang boleh dilakukan oleh mereka untuk adik-beradik mereka.

Sesi 6: Membuat Pilihan



Objektif-Objektif Sesi

Sesi ini akan membimbing mereka untuk:

1. Menyedari bahawa pilihan-pilihan yang dibuat oleh mereka dipengaruhi oleh banyak faktor.
2. Merumuskan beberapa prinsip alkitabiah sewaktu memilih dengan bijak dan saleh.
3. Menggunakan prinsip-prinsip ini untuk menolong mereka membuat keputusan yang bijak.



Pencetus Minat

Apa Yang Mempengaruhi Keputusan Anda?

1. Tampal perkataan: banyak, agak banyak, sedikit, sama sekali tidak ada, di empat sudut bilik.
2. Suruh mereka berdiri di tengah-tengah bilik lagi.
3. Jelaskan kepada mereka bahawa anda akan menyebutkan sepuluh perkara yang mempengaruhi pilihan mereka.
4. Apakah yang mempengaruhi mereka? Mereka perlu berlari ke sudut yang ditentukan oleh anda. Setiap dinding ditampal satu pengaruh seperti guru, iklan, dsbnya. Sesiapa yang mengambil lebih daripada sepuluh saat akan kalah dalam permainan ini. Senarainya: Iklan, kata-kata teman, fesyen terbaru, Alkitab, guru-guru, televisyen, majalah, internet, Tuhan, pahlawan dan idola.



Penjelasan

1. Setiap orang dipengaruhi oleh sesuatu dalam cara yang tertentu sewaktu membuat keputusan.
2. Tidak semua pengaruh ini salah atau negatif. Persoalannya ialah bagaimanakah anda memilih pengaruh yang betul.
3. Jadi, anda perlu memiliki panduan alkitabiah untuk membuat pilihan yang bijak dan saleh.



Aktiviti Bersama

Aktiviti ini akan membantu mereka untuk menyedari bahawa membuat pilihan sebenarnya adalah satu hal yang lazim dalam kehidupan mereka.

Letakkan semua kerusi ke suatu sudut dalam kelas dan suruh setiap orang berdiri di tengah-tengah bilik itu. Jelaskan bahawa kamu akan memberi mereka satu senarai untuk dipilih. Sewaktu mereka membuat keputusan tertentu, mereka harus berlari ke sudut yang tertentu dalam kelas. Tidak ada orang boleh berdiri di tengah-tengah tanpa membuat keputusan.

Baca senarai pilihan ini dan mereka mesti pergi ke sudut bilik yang anda umumkan. Contohnya:-

- a. nasi atau roti canai
- b. sendiri atau bersama teman
- c. menonton filem atau menghadiri persekutuan pemuda pemudi
- d. membaca buku-buku atau menonton televisyen
- e. membaca suratkhabar atau membaca Alkitab?

Setelah menamatkan permainan ini, bincangkan dengan mereka adakah mudah atau susah ketika mereka membuat pilihan tadi.

Penjelasan

Sewaktu anda tidak mahu memilih apa-apa, sebenarnya anda juga sedang membuat pilihan. Pilihan tertentu dalam hidup anda biasa-biasa sahaja seperti apakah yang akan anda makan untuk sarapan, adakah anda mahu memakai warna biru atau merah untuk pagi ini.



Renungan Firman Tuhan

Dari contoh kehidupan Yusuf, kita boleh mempelajari tiga prinsip untuk menolong kita membuat pilihan-pilihan.

1. Yusuf telah membuat pilihan yang benar kerana dia menjunjung Tuhan dan firman-Nya.
2. Dia tidak ragu-ragu dengan prinsip-prinsipnya.
3. Yusuf membuat pertimbangannya dengan baik-baik. Contohnya, kalau seorang teman kita mahu meniru tugas rumah. Kita tidak

berhenti berfikir baik-baik sebelum bertindak. Kita memberi sahaja. Kita menonton televisyen walaupun ada adegan tembak-menembak dalam setiap babak filem dan kita tidak berhenti sejenak untuk berfikir adakah ini memuliakan Tuhan.

Kesan Pilihan Yang Betul

Lihat kehidupan Yusuf lagi. Dia tahu bahawa dia akan berdosa seandainya dia meniduri isteri orang lain.

1. Kadangkala pilihan kita tidak mempunyai akibat yang betul atau salah. Firman Tuhan tidak menyatakan secara khusus. Contohnya, apakah anda mahu melawat seorang kawan yang sakit atau tinggal di rumah untuk mengulang kaji bagi peperiksaan anda. Apakah anda ingin menggunakan tiga puluh ringgit untuk membeli CD atau menabungkannya?
2. Dalam situasi seperti ini, anda mesti berfikir sama ada keputusan itu akan mendatangkan sesuatu yang baik untuk diri anda sendiri atau orang lain pada masa yang akan datang atau sekarang.
3. Kadangkala sesuatu pilihan boleh mendatangkan lebih banyak kebaikan daripada yang lain.



Doa

Minta mereka untuk membentuk satu lingkaran dan saling mendoakan. Berdoa agar Tuhan memberi mereka kebijaksanaan untuk membuat pilihan dan keputusan yang baik.

Sesi 7: Pertunjukan Fesyen



Objektif-Objektif Sesi

1. Memahami sikap-sikap mereka sendiri terhadap pakaian dan fesyen.
2. Mempelajari panduan-panduan yang boleh menolong mereka dalam gaya pemakaian dan pilihan pakaian.
3. Memikirkan bagaimana mereka boleh berubah dalam sikap-sikap mereka terhadap pakaian dan fesyen.
4. Memilih pakaian yang sesuai untuk diri mereka.



Pencetus Minat

Pertunjukkan Fesyen

1. Mereka akan mendandan teman-teman mereka dalam pakaian fesyen terkini.
2. Bahagikan mereka kepada beberapa kelompok
3. Setiap kelompok akan mewakili setiap butik. Minta mereka memilih nama butik mereka. Minta mereka memilih model mereka untuk mewakili butik mereka.
4. Sediakan hiasan yang diperlukan mereka seperti kalung, anting-anting, topi, selendang, kaca mata hitam dan lain-lain.
5. Minta mereka bergaya dan memperagakan fesyen butik mereka.



Aktiviti Bersama Betapa Pentingkah Pakaian Kepada Anda?

Suruh mereka mengisi soal selidik dan kemudian berbincang dengan sesama mereka. Kemudian, ajukan dua isu untuk perbincangan:-

- a. Boleh seorang Kristian mengikut fesyen yang terkini?
- b. Apakah orang Kristian mempunyai cara yang salah atau betul dalam gaya pemakaian mereka?



Renungan Firman Tuhan

Anda boleh menjelaskan kepada para remaja bahawa kadangkala kita terbawa oleh fesyen terkini seperti pakaian, kasut, dan fesyen rambut. Mengikut hala baru tidak menjadi masalah, tetapi anda mesti memilih apa yang ingin anda ikut.

1. Jelaskan firman Tuhan kepada kelompok anda setelah mereka memberi jawapan. Mereka akan membaca 1 Petrus 3:3-4
 - a. Pertimbangkan Pilihan.
 - b. Berhenti sejenak dan memikir terlebih dahulu sebelum mengikut segala sesuatu yang baru.
 - c. Membandingnya dengan cara Tuhan.
2. Alkitab tidak berkata penampilan yang menawan itu salah. Namun, di pandangan Tuhan, apa yang anda pakai di luar tidak penting. Dia lebih mementingkan kecantikan batin. Dua ciri penting yang ditegaskan oleh Tuhan ialah _____ dan _____
3. Tuhan tidak ingin anda menghamburkan tenaga, wang, dan masa untuk membeli yang tidak penting tetapi untuk menumpukan perhatian pada perkara-perkara yang lebih penting seperti memupuk kehidupan rohani anda serta menolong orang lain.
4. Alkitab berkata walaupun kita mempunyai kebebasan untuk melakukan apa yang kita mahu, ini tidak bererti segala yang kita lakukan itu baik dan membangun. Jadi, kita mesti selalu berbuat sesuatu untuk mendatangkan kebaikan kepada orang lain dan bukan kepada diri sendiri. (1 Korintus 10:23-24)
5. Apabila kita memakai baju kita harus berfikir bagaimana pakaian kita boleh mempengaruhi orang lain. Contohnya, adakah saudara-saudara seiman saya akan tersandung oleh pakaian yang saya pakai.
6. Kita perlu berfikir sama ada jumlah wang yang kita hamburkan untuk pakaian dapat digunakan untuk menolong orang miskin. Bolehkah wang yang anda gunakan untuk membeli baju tertentu didermakan kepada tabungan misi?



Renungan Peribadi

1. Jangan ikut gaya orang ramai. Belajar untuk yakin dengan diri sendiri dan pakaian sendiri. Anda tidak perlu mengikut gaya pakaian orang lain. Pakailah sesuatu yang selesa dan sopan.
2. Jangan terlalu boros dan menghamburkan banyak wang untuk gaya yang terkini.
3. Berpakaian elok tidak semestinya memboros. Anda boleh

berpakaian sederhana namun mempunyai citarasa yang manis.

4. Anda tidak perlu menukar-nukar pakaian anda untuk mengikut gaya semasa.
5. Sebagai orang Kristian, anda mesti mengurus wang yang diberikan oleh Tuhan kepada anda dengan penuh bertanggungjawab dan memberi kesaksian baik.
6. Berusaha untuk jangan mendedahkan anggota-anggota dan bahagian badan yang sulit.



Doa

Mereka boleh berdoa untuk sesama agar mereka tidak berfokus pada hal-hal lahiriah seperti kecantikan wajah atau pakaian tetapi memupuk keindahan batin mereka.

Sesi 8: Irama dan Lagu untuk Jiwaku



Objektif-Objektif Sesi

1. Menolong mereka untuk memilih lagu-lagu yang baik.
2. Memahami bahawa lirik lagu tertentu membahayakan kehidupan rohani, mental dan emosi.
3. Berusaha memilih lagu-lagu yang memuliakan Tuhan.
4. Memahami cara merumuskan prinsip-prinsip Alkitab sewaktu membuat pilihan.



Pencetus Minat

Sediakan tiga set kad yang berlainan warna untuk setiap orang. Pastikan setiap orang mendapat tiga kad yang berlainan warna tersebut sebelum anda memulakan permainan. Tentukan setiap warna melambangkan setuju, tidak setuju, belum berkeputusan. Baca ayat di bawah. Mereka mesti menunjukkan kad yang mewakili pendirian mereka.

Ayat-Ayat

1. Orang Kristian tidak patut mendengar muzik sekular.
2. Mendengar muzik sekular boleh saja asal kita tidak terlalu mengambil perhatian atas liriknya atau perkataan-perkataannya.
3. Muzik sekular tidak ada keburukan sama sekali.
4. Semua muzik diberikan oleh Tuhan dan kita boleh mendengarnya.
5. Kita perlu berhati-hati memilih jenis lagu yang kita dengar kerana perkataan boleh mempengaruhi minda kita.
6. Kebanyakan pemuzik-pemuzik serta kugirannya mempunyai gaya hidup yang negatif.
7. Walaupun kita mendengar muzik-muzik tertentu, ini tidak bererti kita bersetuju dengan perkataan atau gaya hidup pemuzik-pemuzik itu.
8. Muzik kontemporari Kristian setanding muzik sekular.
9. Semua muzik sekular mengajar pendapat yang bertentangan dengan pandangan dan nilai Kristian.
10. Kita tidak mungkin dapat menjadi seorang Kristian yang kukuh dan pada waktunya mendengar kepada muzik sekular.

Interaksi

Berapakah di antara anda yang tidak mendengar muzik sama sekali?

Berapakah di antara anda yang hanya mendengar muzik Kristian?

Berapakah di antara anda yang mendengar muzik sekular?

Muzik memang telah menjadi sebahagian daripada kehidupan para remaja dan pemberian irama indah yang terilham dari hati dan mempengaruhi emosi kita. Kita begitu terpesona oleh perkataan, rentak serta iramanya. Siapakah yang boleh bertahan sehari tanpa muzik?

Namun, seperti ciptaan Tuhan, muzik terdedah kepada pengaruh yang baik dan juga yang jahat. Pilihlah baik-baik agar tidak terpengaruh oleh unsur-unsur yang negatif dan yang tidak suci.



Renungan Firman Tuhan

1. Kita perlu berhenti sejenak dan berfikir. Jangan ikut segala lagu popular tanpa mengkaji sama ada liriknya bagus atau tidak. Lirik lagu-lagu tidak semestinya bagus untuk anda. Banyak lagu sungguh negatif dalam menjelaskan kehidupan dan Tuhan. Walaupun anda tidak mengambil berat, mesej akan perlahan-lahan meresap ke minda dan jiwa anda. Mesej yang tidak kudus dan berkenan kepada Tuhan akan menjelaskan ibadah anda yang sejati dan menghasilkan sampah dalam fikiran kita. (Roma 12:2)
2. Memikir tentang hal-hal syurgawi dan bukan duniawi bererti memikirkan sesuatu yang suci dan bukan yang menjauahkan diri kita daripada Tuhan. (Kolose 3:4)
3. Kita dipanggil memenuhi fikiran kita dengan semua yang benar, semua yang mulia, semua yang adil, semua yang sedap didengar, dan semua yang disebutkan kebaikan.(Filipi 4:8)
4. Tanya diri anda sendiri, adakah muzik dan pemuziknya menolong anda mempelajari sesuatu nilai yang bagus? Apakah lagu-lagu ini akan menolong anda bertumbuh dalam kehidupan rohani? Anda telah dipilih oleh Tuhan. Jangan mengikut segala sesuatu yang disuka oleh teman-temanmu.
5. Bagaimana kita memilih lirik yang boleh meneguhkan kepercayaan

kita? Perhatikan isi kandungannya, adakah ia mengajar nilai-nilai baik? Adakah ia mengikut panduan Filipi 4:8? Adakah ia mempunyai mesej yang bertentangan dengan mesej Kristian? Banyak lagu sekular yang ditulis berunsur menghujat Tuhan, mengagungkan hidup dalam kebebasan seks, mengiyakan perbuatan bunuh diri, seks sebelum nikah, seks sesama sejenis. Jadi, berhati-hatilah!

6. Gaya Muzik-Pengaruh apakah terhadap emosi khususnya rentak dan iramanya yang mungkin mencetuskan perasaan marah, nafsu. Adakah ia muzik atau bunyi-bunyi sahaja?
7. Penyanyi/kugirannya-Jenis gaya hidup apakah yang dianut oleh mereka? Kepercayaan apakah yang dianut oleh mereka? Jika lagu-lagu ini dimuat di video, bagaimanakah orang-orangnya berpakaian? Bagaimana dengan cara gerak-geri dan tarian mereka?



Doa

Biar mereka mendengar sebuah lagu rohani yang indah. Suruh mereka tutup mata untuk menghayati lagu tersebut, dan selepas itu minta mereka berdoa. Perkenalkan beberapa CD Kristian yang mempunyai lagu yang indah kepada mereka.

**Dapatkan kesemua 25 buah buku dalam
siri **OBOR BELIA** dari kami!**



Hubungi kami di wawasan.penabur@gmail.com
atau layari laman web kami di www.wawasanpenabur.org

Siri buku OBOR Belia yang diterbitkan oleh Wawasan Penabur Sdn. Bhd. ini mengandungi tema-tema utama iman Kristian dan isu-isu praktikal yang dihadapi oleh pemuda-pemudi zaman sekarang. Sebanyak 25 buku dalam Siri OBOR Belia yang merangkumi kurikulum 5 tahun telah dirancang untuk kegunaan pemuridan dan persekutuan belia.

Ada empat kategori utama untuk tiga tahun yang pertama: *Asas-asas Iman, Kehidupan dalam Kristus, Isu-Isu Praktikal dan Cara Menghadapi Kepercayaan-Kepercayaan Lain*. Semua pelajaran telah ditulis dengan lengkap dan sistematik, mengandungi ajaran Alkitab yang kukuh, bersifat interaktif dan sedia digunakan oleh para pembimbing dan belia.

Buku ketiga "**Carik-Carik Bulu Ayam**" bertujuan menolong remaja menjalin perhubungan yang bermakna dengan ibu bapa dan ahli keluarga mereka. Sesi-sesi yang penting seperti mencari pola kemonokasi yang baik, mengurus kemarahan dan pengampunan dapat menolong para remaja berkomunikasi dengan ibu bapa mereka dan membentuk keperibadian mereka. Selain daripada perhubungan kekeluargaan, sesi-sesi lain dapat menolong para remaja membuat pilihan yang baik, pilihan fesyen pakaian dan lagu/muzik.

"Didiklah orang muda menurut jalan yang patut baginya, maka pada masa tuanya pun ia tidak akan menyimpang dari pada jalan itu" (Amsal 22:6).

"Pendekatan buku ini sungguh segar. Aktivitinya yang kreatif dapat menawan minat belia. Kurikulum OBOR Belia yang ditulis menurut konteks kebudayaan Malaysia serta memberi penekanan praktikal sungguh berguna bagi pertumbuhan belia. Saya yakin bahawa kurikulum ini akan menolong mereka untuk berdiri teguh dalam iman, dan membimbing mereka untuk menyumbang terhadap pembangunan masyarakat yang bermoral, bersifat penyayang dan berperihatin."

Rev. Danil Raut, Presiden Sidang Injil Borneo (SIB) Semenanjung

"Masa depan gereja di Malaysia sangat bergantung kepada bagaimana kita mempersiap dan memuridkan generasi muda kita hari ini. Mereka adalah aset gereja yang sangat berharga dan merupakan calon pemimpin dalam pelayanan gereja pada masa akan datang. Kita memerlukan bahan pemuridan yang sistematik, menyeluruh dan menekankan pengajaran Firman Tuhan untuk melahirkan satu generasi yang kuat dan berdaya saing dalam dunia yang sangat mencabar ini. Saya ingin mendorong gereja-gereja berbahasa Malaysia dan Orang Asli (OA) menggunakan OBOR Belia ini untuk tujuan memperdalamkan pemahaman Alkitab dan pembentukan supaya mereka boleh bertumbuh sebagai pengikut Kristus. Siri buku ini akan membantu melahirkan generasi muda orang Kristian yang mantap di Malaysia."

Alfred R. Tais, Setiausaha Eksekutif Komisi Bahasa Malaysia,
National Evangelical Christian Fellowship (NECF)